

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 6, 2019 1:53 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Unit Seni Lakon Pusat Kokurikulum Rangkul Anugerah Naib Johan Pertandingan Teater Pendek



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

6 OKTOBER 2019 / 7 SAFAR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsuri Abdul Razak
Gambar oleh: Pusat Kokurikulum

UNIT SENI LAKON PUSAT KOKURIKULUM RANGKUL ANUGERAH NAIB JOHAN PERTANDINGAN TEATER PENDEK



UUM ONLINE: Sub Unit Seni Lakon, Unit Seni Tampak dari Pusat Kokurikulum telah merangkul anugerah Naib Johan sempena Pertandingan Teater Pendek Peringkat Institut Pendidikan Tinggi Negeri Kedah 2019 di Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPDA), Jitra, baru-baru ini.

Pengarah Teater, Nur Aina Syafiqah Mohd Soufi berkata, kemenangan itu adalah hadiah kepada pelajar Sub Unit Seni Lakon dan Pusat Kokurikulum terutamanya kepada pelakon dan krew pementasan teater Kosong yang telah bertungkus lumus untuk menjayakannya.

Menurutnya, pertandingan tersebut merupakan penyertaan pertama Sub Unit Seni Lakon dan kemenangan itu telah menyuntik semangat kepada pelakon dan krew untuk menyertainya pada masa akan datang.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah berkata, penyertaan dalam pertandingan teater itu adalah sebagai pendedahan kepada pelajar Sub Unit Seni Lakon untuk bersedia dengan lakonan dan berhadapan dengan penonton.

Selain itu, katanya, pelajar dapat mempelajari cara menguruskan persembahan termasuk *props*, penyediaan pakaian, seni persembahan, teknik pengurusan pentas dan pengetahuan kreatif pementasan teater.

Teater Kosong mengisahkan seorang pemuda bernama Adam yang belajar diluar negara dan selepas tamat pengajian, beliau terus bekerja secara sambilan di sebuah syarikat.

Selepas 15 tahun menetap di sana, beliau telah ditawarkan bekerja secara tetap, namun hati dan jiwanya berbelah bahagi sama ada mahu menerimanya atau tidak kerana beliau masih mahu menyumbang tenaga kepada negaranya.

Antara pelakon Teater Kosong ialah Muhammad Syahrin Nazmeer Ariffin sebagai Adam, Ainur Fitri Ikhwan sebagai Jati, Siti Aisyah Nor Ismail sebagai Jiwa, Ahmad Azhari Ihwanto dan Nurul Nasirah Sakinah Yusri sebagai Korus.

Hadiah Pertandingan Teater Pendek Peringkat Institut Pendidikan Tinggi Negeri Kedah 2019 telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah, IPDA, Dr. Amani Abdullah Mubarak.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.